

08 OCT 2003

OIC-INDONESIA

LEBIH 50 SYARIKAT INDONESIA SERTAI EKSPLO OIC

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Lebih 50 syarikat Indonesia akan menyertai Ekspo OIC 2003 yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya minggu depan.

Presiden OICtrade Indonesia, Nugroho Widiyantoro, berkata ekspo dari 14 hingga 19 Okt itu memberi peluang kepada usahawan Indonesia untuk mencari dan menjalin hubungan dengan rakan niaga dari negara-negara anggota OIC yang lain.

"Kami mengambil peluang keemasan untuk datang ke Malaysia kerana OIC akan diadakan di sini dan lagipun Malaysia tidak jauh dari Indonesia," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Menurutnya, usahawan Indonesia sememangnya memandangi Malaysia sebagai rakan niaga yang baik dan mengharapkan hubungan itu berterusan serta menguntungkan kedua-dua pihak.

Beliau berkata dengan menjalin hubungan dagangan, pihaknya juga berharap dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat untuk memasarkan produk-produk ke negara-negara anggota OIC yang lain.

Perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga dihormati di kalangan rakyat Indonesia amat menekankan perlunya masyarakat Islam meningkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan.

"Selaras dengan hasrat Dr Mahathir itu, kami mengharapkan kehadiran kami di sini disambut baik untuk berkongsi niaga dengan usahawan-usahawan Malaysia," katanya.

Selain itu, usahawan Indonesia juga dapat bertukar-tukar pendapat dan menimba pengalaman bukan sahaja dengan usahawan dari Malaysia malah usahawan dari 57 negara-negara Islam yang lain.

Sila layari [www.bernama.com/oicsummit](http://www.bernama.com/oicsummit) untuk mendapatkan berita-berita lain berkaitan sidang kemuncak OIC Putrajaya.

Sidang kemuncak itu akan berjalan dari 11 hingga 18 Okt. -- BERNAMA

NKB AZZ JR